

## UMP jalin kerjasama dengan tujuh rakan strategik



Pekan, 24 Februari- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan tujuh rakan strategik yang mampu mengupayakan transformasi masyarakat secara strategik melalui sinergi kerajaan, akademik, industri dan komuniti bagi merealisasikan agenda memasyarakatkan teknologi selaras dengan aspirasi pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 universiti ini.

Kerjasama UMP melibatkan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Institut Jurutera Malaysia (IEM), Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Megatech International College, Bee Park Pahang dan Persatuan Usahawan Kelulut Pahang.

Dalam majlis ini menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertukar dokumen Ketua Pegawai Eksekutif PMBK, Haji Abdul Rashid Mohd. Yusof, Setiausaha Kehormat IEM, Ir. Yam Teong Sian dan Pengarah B40 MDEC, Darzy Nor Halim. Turut sama Ketua Pegawai Operasi Zon Tengah AIM, Faizal Nor Laiman, Ketua Pegawai Eksekutif Megatech International College, Murugan Chadayan, Ketua Pegawai Eksekutif Bee Park Pahang, Mat Nawi Deraman dan Pengerusi Persatuan Usahawan Kelulut Pahang, A. Rahman A. Hamid.



Pemetraian ini menyaksikan UMP bakal menimba manfaat daripada PMBK sebagai pelopor pelaburan strategik Kerajaan Negeri Kelantan, daripada IEM dalam penggalakan dan pemajuan profesion kejuruteraan dan sains dan MDEC sebagai peneraju dan penyelaras utama ekonomi dalam industri digital melalui teknologi maklumat dan komunikasi di Malaysia.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, peranan sosial UMP dilihat dapat terus dikembangkan melalui kerjasama dengan AIM sebagai penyedia kewangan, bimbingan dan latihan kepada usahawan keluarga miskin dan berpendapatan rendah. Manakala pendidikan kejuruteraan dan teknikal di UMP turut dapat dikembangkan melalui kerjasamanya dengan Megatech International College, khususnya dalam bidang elektrik dan elektronik, mekatronik serta teknologi maklumat.

"Dalam konteks pengembangan ekosistem keusahawanan pula, kerjasama dengan Bee Park Pahang membolehkan UMP meneroka industri penternakan lebah selain melatih usahawan muda yang berpotensi. Manakala kolaborasi dengan Persatuan Usahawan Kelulut Pahang membolehkan UMP turut memainkan peranan dalam meningkatkan pengetahuan usahawan kelulut dan mewujudkan hala tuju usahawan yang bermaklumat dan inovatif," katanya dalam majlis yang diadakan di Dewan Bankuet Canseleri Tun Abdul Razak UMP Pekan.

Selain itu katanya, industri merupakan pemegang taruh yang penting, terutamanya dalam aspek pelaburan modal dan sokongan teknikal yang mengkomplimentari sumbangan pengetahuan, bakat dan kepakaran teknikal oleh akademia, intervensi dasar dan sokongan politik oleh kerajaan serta penyertaan dan kerjasama masyarakat.

Beliau mengharapkan kerjasama rakan industri ini dapat mengembangkan lagi parameter kolaborasi yang sedia ada dengan meneroka peluang-peluang baharu yang memberi manfaat jangka panjang kepada semua pihak dan paling utama, turut mentransformasi masyarakat secara kolektif.

Hadir sama dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainudin, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail dan Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid.

***Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat***

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 24-02-2017, 15:10:02